

# 6,000 anak benih dijual murah

**O**RANG ramai berpeluang mendapatkan anak pokok bermutu pada harga murah di Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokesyen (EPPK) ke-42 Universiti Putra Malaysia (UPM), bermula 26 hingga 31 Oktober ini di Dusun Humphrey UPM.

Kenyataan akhbar UPM memaklumkan, antara anak pokok buah-buahan yang akan dijual dengan harga yang murah ialah pelbagai jenis durian antaranya Musang King, Duri Hitam, Ochee, Raja Kunyit, Hajah Hasmah, Kop Kecil dan Dato' Nina.

Harga diskau sebanyak 20 peratus ditawarkan untuk benih Musang King terpilih itu amat menarik khususnya bagi penggemar dan pengusaha tanaman durian.

Melihat kepada tren pertanian pada masa kini, tanaman durian



telah menjadi tanaman industri yang penting dalam negara. Justeru, promosi ini adalah satu daripada usaha UPM dalam menyokong pembangunan industri durian negara.

Anak-anak pokok benih lain juga dijual pada ekspo itu seperti rambutan tanpa biji, nangka, mangga, cempedak dan juga



ANAK pokok benih terbaik UPM yang dijual pada orang ramai.

pokok herba seperti misai kucing, kacip Fatimah, mahkota dewa dan cekur mas.

Daging dan susu lembu UPM juga akan dijual pada ekspo

itu, selain diadakan pameran ternakan dan akuakultur seperti lembu tenusu dan pedaging, kambing, rusa, biri-biri, kuda, kerbau, ayam, ikan akuarium dan

haiwan kesayangan.

Agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam bidang pertanian dan jualan hasil tani usahawan kecil tempatan akan turut menyertai ekspo yang diadakan bersempena Majlis Konvokesyen ke-42 itu.

Majlis Perwakilan Pelajar pula sudah mengatur pelbagai aktiviti menarik untuk pengunjung seperti *paint ball*, *flying fox*, pertandingan fotografi, futsal, cuci kereta, tarik tali, cabaran menggubah buah, persembahan graffiti, pertunjukan kebudayaan dan gerai jualan.

Aktiviti padang dan air turut diadakan iaitu pertandingan bola sepak jalanan, memancing, kayak, melukis, sukan kanak-kanak, gerai tercantik, gubahan anggerik, zoo mini, pameran auto, mencari harta karun, memanjat dinding dan banyak lagi.